



YPDR. 10/4/5/1 Jld.2 (76)
16hb. Oktober 2020

KENYATAAN MEDIA OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas Dewan Rakyat akan berlangsung mulai **Isnin, 2 November 2020 hingga Selasa, 15 Disember 2020 (27 hari)**. Sesi sidang mesyuarat kali ini telah dimaklumkan melalui satu pemberitahuan oleh Setiausaha Dewan Rakyat kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat bertarikh 2 Oktober 2020.

Sehingga petang ini, Pejabat Setiausaha Dewan Rakyat telah menerima sejumlah **30 usul** daripada **25** Yang Berhormat Ahli Dewan Rakyat.

Kesemua usul-usul yang dikemukakan akan diteliti dan dipertimbangkan mengikut Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Sekian, terima kasih.

DATUK AZHAR AZIZAN HARUN
Yang di-Pertua Dewan Rakyat